



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008

OPERASI BERSEPADU BENTERAS PENJAJA TANPA LESEN DI DATARAN PUTRA PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 21 Jun 2024 – Perbadanan Putrajaya (PPj) hari ini melancarkan operasi bersepadu benteras penjaja tanpa lesen di Dataran Putra, Presint 1, Putrajaya. Operasi ini diketuai oleh Pengarah Bahagian Penguat Kuasa dan Keselamatan, YBrs. Encik Mohd Fauzi Bin Haji Ismail.


Operasi bersepadu anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) turut melibatkan agensi sahabat iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan kekuatan anggota seramai 85 orang. Operasi bermula dari jam 4.00 petang hingga 11.00 malam.

Pelaksanaan operasi ini bertujuan memastikan tiada aktiviti perniagaan tanpa lesen di Dataran Putra antaranya jualan makanan dan minuman, jualan permainan kanak-kanak serta sewaan kereta mainan, basikal dan kasut roda yang kerap menyebabkan persekitaran Dataran kotor dan merbahaya kepada pengguna lain.

Pelaksanaan sitaan akan dilaksanakan di bawah peruntukan UUK22(3) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPPJ) 2016 di mana Perbadanan Putrajaya boleh menyita kenderaan yang digunakan untuk aktiviti penjajaan tanpa kebenaran atau kereta tolak yang tidak mengikut ukuran yang ditetapkan. Pada masa yang sama, agensi sahabat JPJ turut melaksanakan advokasi mendidik berkaitan dengan Undang-undang di bawah Seksyen 23(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987. AADK pula turut melaksanakan ujian saringan air kencing di bawah Seksyen 3(1) APD (R&P) 1983 sekiranya disyaki sebagai penagih dadah manakala Jabatan Pendaftaran Negara melaksanakan pemeriksaan dokumentasi dan cap ibu jari individu bagi

mencegah dan membanteras pemalsuan dan penyalahgunaan kad pengenalan diri Malaysia.

Pada tahun 2023, PPj telah melaksanakan tindakan kompaun sebanyak 114 dan 25 sitaan ke atas penjaja tanpa lesen di Dataran Putra. Sehingga Mei 2024, sebanyak 49 kompaun dan 24 sitaan telah dilaksanakan ke atas penjaja tanpa lesen.


b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 21 Jun 2024

Keterangan lanjut berhubung siaran media Operasi Bersepadu Benteras Penjaja Tanpa Lesen Di Dataran Putra Putrajaya, sila hubungi Pegawai Media PPj, Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564 atau Encik Ahmad Fazila Bin Othman di talian 012-5761490